

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan mata pelajaran elektif Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah untuk Tingkatan empat dan lima. Tujuan utamanya ialah untuk membekalkan ilmu pengetahuan asas ekonomi kepada pelajar supaya mereka dapat memahami masalah yang berpunca daripada sumber terhad berbanding dengan kehendak yang tidak terbatas dan pemilihan rasional tentang penggunaan sumber yang terhad.

1.0.1 Falsafah Pendidikan Negara

Perancangan dan penggubalan Sukatan Ekonomi Asas bertujuan untuk menyumbang ke arah pembinaan insan yang baik, seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek,

rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”

1.0.2 Matlamat dan Objektif Ekonomi Asas.

Sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara, beberapa objektif mata pelajaran Ekonomi Asas telah dikemukakan iaitu:

- a. Membolehkan pelajar memahami konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi.
- b. Membolehkan pelajar mengaitkan konsep dan prinsip asas yang telah dipelajari dengan pengalaman sehari-hari.
- c. Mempertingkatkan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.
- d. Membolehkan pelajar menyedari dan memahami isu dan masalah ekonomi semasa.

- e. Membolehkan pelajar menggunakan kemahiran dan ilmu yang dipelajari supaya dapat memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat yang rasional dan bertanggungjawab.
- f. Membolehkan pelajar mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

1.1 Objektif Kajian

Salah satu cara bagi merealisasikan objektif mata pelajaran Ekonomi Asas di atas, pihak Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai salah satu mata pelajaran elektif bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini bermakna pencapaian pelajar dalam Ekonomi Asas adalah dinilai melalui soalan-soalan peperiksaan. Justeru itu, pengkaji akan membuat kajian mengenai penggunaan laras Ekonomi Asas ini dengan merujuk khusus kepada analisis kesilapan bahasa.

Kajian ini adalah dilakukan berdasarkan kepada objektif yang dirangka seperti berikut:

- a. Mengenalpasti punca kesalahan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas dari segi penguasaan bahasa.
- b. Melihat sejauhmana kebolehan dalam penguasaan bahasa Melayu mempengaruhi jawapan pelajar dalam Ekonomi Asas.
- c. Mengemukakan cadangan-cadangan tertentu dalam usaha meningkatkan pencapaian cemerlang pelajar.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian secara mendalam dilakukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Kajian dibuat kerana pengkaji merasakan ia boleh memberi faedah kepada berbagai-bagai pihak. Antara kepentingan kajian ialah:

- a. Sebagai rujukan kepada guru dan tenaga pengajar tentang kekerapan yang biasa dilakukan oleh pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas.
- b. Sebagai rujukan kepada guru dan tenaga pengajar dalam menyelesaikan permasalahan pelajar yang gagal menguasai bahasa.
- c. Sebagai rujukan kepada penggubal soalan dan Lembaga Peperiksaan tentang permasalahan yang dihadapi oleh calon dalam menjawab soalan Ekonomi Asas.
- d. Memberi petunjuk dan rujukan tentang analisis kesilapan dalam beberapa aspek bahasa seperti penggunaan istilah, sintaksis, morfologi, tanda bacaan dan lain-lain. Analisis ini juga boleh digunakan dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, Ekonomi Asas dan mata pelajaran lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dibuat oleh pengkaji di Sekolah Menengah Kebangsaan Dewan Beta. Masalah ditimbulkan oleh pengkaji

akibat daripada kesilapan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas. Masalah ini ditimbulkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Laporan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang merumuskan bahawa kesilapan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas adalah disebabkan oleh tidak memahami konsep atau istilah dan tidak memahami soalan. Pengkaji mendapati kesalahan-kesalahan itu berlaku akibat daripada masalah penguasaan bahasa di kalangan pelajar seperti tidak memahami ayat, istilah, perkataan baru dan lain-lain.

1.3.1 Bahasa Melayu dan Dasar Pendidikan Kebangsaan

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menentukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama bagi semua tahap persekolahan. Ini bermakna selain daripada Bahasa Malaysia sendiri, mata pelajaran lain seperti Ekonomi, Sains, Geografi, Sejarah dan sebagainya turut diajar dengan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia.

Sejak tahun 1981, semua peringkat persekolahan menggunakan bahasa Melayu, iaitu dari darjah satu sekolah rendah sehingga ke tingkatan enam. Pada tahun

1983, semua kursus tahun pertama di universiti-universiti setempat disampaikan dalam bahasa Melayu. Namun, untuk melengkapkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, maka bahan penyampaian dan 'perisian' ilmu itu sendiri, seharusnya dalam bahasa Melayu, walaupun kita tidak menolak ilmu yang ditulis dalam bahasa lain. Hanya dengan benar-benar menjadi bahasa ilmu, barulah bahasa Melayu memainkan peranan sebagai bahasa pengantar ilmu. **Abdul Aziz Idris** (1984) menegaskan bahawa bahasa Melayu menghadapi tiga jenis cabaran selaras dengan peranannya:

- i. Peranannya sebagai pengantar budaya Melayu
- ii. Peranannya sebagai pengantar budaya kebangsaan
- iii. Peranannya sebagai pengantar budaya ilmu
(Sains dan teknologi, pentadbiran, ekonomi, politik, komunikasi, pendidikan, kesusasteraan dan lain-lain)

**1.3.2 Bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu
Sekolah Menengah (KBSM).**

Dalam rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, unsur bahasa bersepadu dengan unsur-unsur nilai. Bahasa Malaysia dipertingkatkan penggunaan dan penguasaan untuk menghayati hasratnya sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan dan bahasa pencerminan akal budi rakyat.

Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu dikukuhkan kedudukannya kerana peranannya merentasi bidang ilmu/kurikulum. Keperluan untuk pelajar-pelajar meningkatkan penguasaan dalam bahasa Malaysia bertambah. Pelajar-pelajar KBSM seharusnya mempunyai penguasaan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi di samping fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis dan analisis dalam pembacaan serta kreatif dan produktif dalam menghasilkan penulisan. Pelajar-pelajar KBSM akan dipupuk dengan kepekaan terhadap sistem bahasa Malaysia dan gaya bahasa yang indah serta kesedaran tentang pentingnya penguasaan bahasa dalam pelbagai situasi.

Namun demikian, menurut **Laporan Jawatankuasa Mengkaji Bahasa Malaysia** (1981:11) dalam menjadikan

bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah, beberapa cabaran dan masalah perlu difikirkan semasa pelaksanaannya.

- a. Taraf pencapaian penguasaan bahasa Malaysia pada keseluruhannya masih tidak memuaskan.
- b. Para guru yang mengajar terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang akademik dan iktisas. Di kalangan mereka ada yang mendapat latihan di maktab perguruan, di universiti, kursus dalam cuti malah ada yang tidak mendapat latihan langsung. Guru yang tidak mendapat latihan dan kurang penguasaan bahasanya pasti melemahkan program yang dirancang.
- c. Adanya sikap memandang dingin terhadap bahasa dari segi penggunaan dan pengajarannya oleh pihak tertentu.

Justeru itu, untuk memastikan pencapaian yang baik dalam semua mata pelajaran, bahasa adalah memainkan peranan penting dalam menyampaikan, menerima dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini adalah

tidak wajar guru hanya menitikberatkan mata pelajaran semata-mata hingga mengabaikan pengajaran, penghayatan atau penyebatian kemahiran berbahasa.

Setelah mendapat gambaran tentang punca masalah penguasaan bahasa di kalangan pelajar, pengkaji telah membuat penelitian tentang pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas dan bagaimana pencapaian ini dipengaruhi oleh penguasaan bahasa pelajar. Bagi mengetahui bagaimana penguasaan bahasa dikaitkan dengan pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas ini, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan peperiksaan dan soal maklumat untuk dianalisis.

1.4 Bidang Kajian

Kajian yang dibuat oleh pengkaji ialah kajian analisis kesilapan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas. Analisis Kesilapan ini akan dibuat berdasarkan dua keadaan iaitu:

- a. Pengkaji akan menganalisis kesilapan pelajar akibat tidak dapat memahami soalan-soalan yang dikemukakan. Kajian ini dibuat melalui soalan

aneka pilihan. Analisis kesilapan ini dikhususkan kepada masalah penguasaan bahasa.

- b. Pengkaji akan menganalisis kesilapan pelajar dalam menguasai laras ekonomi melalui jawapan soalan eseai.
- c. Pengkaji akan menganalisis punca kesilapan pelajar dalam menjawab soalan aneka pilihan Ekonomi Asas. Kajian ini dibuat melalui borang soal maklumat mengenai penguasaan bahasa pelajar sehari-hari.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada penggunaan laras ekonomi semasa menjawab soalan Ekonomi Asas di Sekolah Menengah Kebangsaan Dewan Beta. Mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan salah satu mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Disebabkan Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas agak luas, pengkaji merasakan perlu mengkaji soalan aneka pilihan kerana ia meliputi keseluruhan tajuk tingkatan empat dan lima. Pengkaji juga akan membuat kajian ke atas dua soalan eseai yang dikemukakan. Kajian ini dibataskan kepada 50 sampel sahaja. Dalam kajian ini juga pengkaji akan

hanya membataskan kajian dalam aspek morfologi, sintaksis dan istilah sahaja.

1.6 Takrifan Operasional

Berdasarkan kepada tajuk yang dipilih, pengkaji merasakan perlu diberi definisi beberapa perkataan yang digunakan dalam kajian ini. Antara perkataan dan frasa yang perlu diberikan definisi ialah seperti berikut:

- a. Analisis Kesilapan
- b. Penggunaan
- c. Penguasaan
- d. Laras

1.6.1 Analisis Kesilapan

Merujuk kepada **Kamus Dewan Edisi Baru** (1983:37) analisis bermakna penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya) secara terperinci atau mendalam.

Manakala perkataan kesilapan adalah merujuk kepada perihal salah pandangan atau perasaan daripada perkara yang sebenarnya. Melalui kajian ini pengkaji menganalisis masalah penguasaan dan salah pandangan pelajar terhadap aspek bahasa yang digunakan dalam Ekonomi Asas.

1.6.2 Penggunaan

Merujuk kepada **Kamus Dewan** (1984:95) penggunaan merujuk kepada perihal menggunakan sesuatu. Penggunaan dalam kajian ini merujuk kepada kesilapan pelajar dalam memahami penggunaan laras ekonomi yang diberi dan kesilapan penggunaan laras ekonomi oleh pelajar itu sendiri.

1.6.3 Penguasaan

Penguasaan mengikut pengertian kamus bermakna perihal menguasai atau menguasai sesuatu secara mendalam atau mahir. Penguasaan dalam kajian ini adalah merujuk kepada kemahiran pelajar memahami dan menggunakan komponen-komponen bahasa dengan betul dan

tepat. Komponen-komponen bahasa yang terlibat dalam kajian ini meliputi:

- a. Struktur ayat
- b. Istilah
- c. Aspek morfologi
- d. Sebab-sebab lain

1.6.3.1 Struktur Ayat

Ayat didefinisikan sebagai unit pengucapan yang mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau deretan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi yang sempurna. Ayat menduduki tempat yang paling atas dalam tatatingkat kajian sintaksis diikuti oleh klausa dan frasa. (**Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985:183**). Namun dalam kajian ini, proses pembentukan ayat dan frasa sahaja dikaji memandangkan setiap laras lazimnya ada cara pembentukan tersendiri.

Ayat terdiri daripada dua bahagian atau konstituen iaitu konstituen subjek dan konstituen predikat. Subjek ialah bahagian ayat yang

diterangkan sementara predikat ialah bahagian ayat yang menerangkan subjek. Binaan ayat dari segi subjek dan predikat dapat digambarkan seperti berikut:

Ayat	
Subjek	Predikat

Contoh:

Upah wang ialah jumlah wang yang diterima oleh seseorang individu.

Subjek bagi ayat di atas ialah Upah wang sementara predikatnya ialah Jumlah wang yang diterima oleh seseorang individu.

a. Ayat Penyata

Penelitian terhadap jenis-jenis ayat mendapati bahawa jenis ayat yang paling dominan yang digunakan dalam soalan kajian ialah ayat penyata. Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat sesuatu

kenyataan (**Nik Safiah Karim** et al 1987:46-47). Menurut **Asmah Haji Omar** (1993:385-386) pernyataan adalah pengungkapan fikiran untuk menyatakan atau memberi maklumat tentang sesuatu: keadaan, peristiwa, sifat atau sebagainya.

Berikut adalah beberapa contoh petikan soalan yang menunjukkan penggunaan ayat penyata dalam soalan yang dikaji.

1. Firma A mempunyai sebidang tanah yang boleh digunakan untuk membina stesyen minyak dan pada masa yang sama tanah itu juga digunakan untuk pembinaan kondominium.
2. Harga kereta dan kuantiti petrol mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain.
3. Sistem Percukaian akan menyelesaikan masalah ketidak seimbangan pendapatan.

Daripada contoh-contoh yang diberi pengkaji dapat merumuskan bahawa kebanyakan binaan ayat laras ekonomi yang terdapat dalam sampel soalan ialah ayat penyata. Oleh itu boleh dikatakan jenis ayat ini amat serasi dengan laras ekonomi yang bersifat penyataan fakta tentang ilmu bidang berkenaan. Struktur ayatnya terdiri daripada subjek dan predikat serta mengandungi ayat-ayat yang mendefinisikan makna istilah.

b. Ayat Majmuk

Laras Ekonomi yang digunakan oleh sampel soalan dan jawapan pelajar juga memperlihatkan kecenderungan menggunakan ayat majmuk. Menurut **Nik Safiah Karim et al.** (1987:96), ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih. Contoh ayat majmuk yang dipetik dari sampel kajian ialah:

1. Pelepasan diri dan pelepasan isteri adalah RM 5000.00 dan RM 3000.00 masing-masing.
2. En. Ayub membeli Cek kembara kerana hendak melawat negara Burma.
3. Kerajaan terpaksa membuat pinjaman dan menggunakan harta untuk menampung kurangan hasil kerajaan.

Daripada contoh di atas jelas kelihatan bahawa ayat-ayat bahasa Melayu sebenarnya boleh terdiri daripada berbagai-bagai bentuk. Selain daripada ayat tunggal, ayat juga boleh dibina daripada deretan-deretan ayat melalui proses gabungan, relatif, komplemen atau keterangan.

c. **Ayat Tanya**

Ayat tanya adalah ayat yang menyatakan bahawa orang yang bertanya itu tiada mengetahui sesuatu dan ingin diberitahu

tentang sesuatu yang tidak diketahuinya itu.

(Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam 1986:191).

Ayat tanya biasanya memakai kata tanya iaitu siapa, berapa, kenapa, mengapa, bagaimana, cara mana, apa, bila, mana dan lain-lain. Kadang-kadang ayat tanya memakai partikel tanya iaitu -kah dan -tah. Contoh ayat tanya yang digunakan dalam sampel soalan yang dikaji adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam keadaan di atas?
2. Berapakah kos lepas penggunaan komputer?
3. Mengapakah pentingnya tabungan kepada individu?
4. Antara berikut yang manakah menentukan pertambahan permintaan bagi pengguna terhadap sesuatu barang?

1.6.3.2 Istilah

Abdullah Hassan (1986:191) mendefinisikan istilah sebagai kata, terbitan kata atau gabungan kata yang menerangkan sesuatu makna, konsep, proses, keadaan atau sifat atau benda yang khas dalam bidang tertentu, lebih khususnya bidang ilmu. Beliau membahagikan sumber istilah yang dapat dibentuk daripada beberapa sumber iaitu daripada bahasa Melayu, bahasa serumpun dan juga bahasa asing.

Tegasnya apabila bahasa Melayu mula digunakan untuk mengungkapkan ilmu pengetahuan dan bidang-bidang khusus, perkataan-perkataan biasa kurang sesuai oleh sebab sifatnya yang umum. Banyak ilmu baharu dibawa dari luar, tetapi bahasa Melayu tidak mempunyai istilah untuk sebahagian besar konsep-konsep baru itu. Beberapa strategi dapat diambil untuk membentuk istilah-istilah baharu. Antaranya termasuklah mencari perkataan yang sedia ada dalam bahasa Melayu dan kedua membentuk istilah baru melalui proses peminjaman.

Di dalam mata pelajaran Ekonomi Asas terdapat beberapa istilah yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam usaha meningkatkan pencapaian dalam Ekonomi Asas. Antara istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

kos lepas	upah benar
input	belanjawan
output	isirumah
bayaran pindahan	keluk
pulangan	keanjalan
pendapatan boleh guna	utiliti
kos sut	

Selain daripada bentuk istilah di atas terdapat banyak juga istilah singkatan yang diberi dalam bentuk simbol atau lambang. Antara istilah singkatan yang boleh ditemui dalam Ekonomi Asas ialah seperti berikut:

Simbol/ Istilah

<u>Singkatan</u>	<u>Maksud</u>
DD	Permintaan
SS	Penawaran

C	Penggunaan individu
Yd	Pendapatan boleh guna
S	Tabungan
Q ₀	Kuantiti asal
Q ₁	Kuantiti baru
P ₀	Harga asal
P ₁	Harga baru
Ap	Keluaran purata
Mp	Keluaran Marginal
TFC	Jumlah kos tetap
TVC	Jumlah kos berubah
TC	Kos total
AC	Kos purata

1.6.3.3 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu (**Nik Safiah Karim et al.**, 1989:3)

Menurut **Henry Guntur Tarigan** (1986:4), morfologi dapat ditakrifkan sebagai sebahagian dari ilmu bahasa yang membicarakan selok-belok

bentuk kata serta pengaruh perubahan bentuk kata terhadap golongan dan erti kata atau mempelajari selok-belok bentuk kata serta fungsi perubahan bentuk kata itu, baik fungsi gramatik maupun fungsi semantik. Menurut **Prof. Dato' Asmah Haji Omar**, moriologi ialah peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem.

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada kelas kata, penggandaan, akronim dan pengimbuhan yang terdapat dalam sampel soalan.

a. Kelas Kata

Menurut **Asmah Haji Omar** (1968) kata-kata tidak hanya semata-mata berdasarkan maknanya sahaja, tetapi melihat kepada fungsi tatabahasanya. Beliau membahagikan kata-kata dalam bahasa Malaysia kepada tiga iaitu kata namaan, kata kerjaan dan kata tugas.

b. Penggandaan

Ialah perkataan yang mengalami proses pengulangan pada kata dasarnya, sama ada pengulangan sepenuh atau pengulangan sebahagian.

c. Akronim

Ialah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal suku kata atau gabungan kombinasi huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaikata. Contoh: MARA, FELDA.

d. Imbuhan

Ialah kata terikat yang dicantumkan pada kata dasar dalam proses pembentukan kata. Imbuhan yang dicantumkan itu menyebabkan perubahan fungsi tatabahasa. Imbuhan terdiri daripada empat jenis: awalan, akhiran, sisipan dan apitan.

1.7 Laras.

Menurut **Nuwairi** (1987:4) aspek laras bahasa ini telah banyak diperkatakan oleh ahli-ahli bahasa. Laras bahasa amnya dilihat sebagai variasi bahasa yang dimiliki oleh seseorang penutur atau masyarakat penutur yang mengutamakan ketepatan penggunaan bentuk bahasa tertentu pada ketika tertentu.

Laras, menurut **Penalosa** (1981:97) bermakna satu variasi bahasa yang dianggap sesuai untuk satu jenis situasi tertentu. Sementara itu, **Ure dan Ellis** (1977) mentakrifkan laras sebagai:

"a subdivision of a given language, 'situational variety' constituted by a selection choices from among the total linguistics option offered by that specific language".

Laras ialah bahasa yang sesuai untuk satu-satu situasi komunikatif yang tertentu. Sebenarnya pilihan laras ini bukan dibuat secara sewenang-wenangnya tetapi ditentukan secara konvensi oleh komuniti bahasa tersebut (**Ure dan Ellis**, 1978).

Halliday, M.A.K (1985) merujuk variasi dalam bahasa ini sebagai nekabahasa (register variation). Satu

dari pada ciri-cirinya ialah jenis struktur bahasa termasuk gaya yang sesuai bagi mata pelajaran tertentu yang kadang-kadang nampak jelas dan boleh dikesan serta ditentukan oleh guru. Hal inilah **Asmah Haji Omar** (1967:2) disebut sebagai ciri-ciri khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang penggunaannya. Oleh sebab laras berlatarkan bidang, maka unsur-unsur yang memberi ciri kepada laras ialah kata-kata khusus, iaitu istilah-istilah yang digunakannya.

Konsep Bahasa Malaysia Merentas Kurikulum dikaitkan dengan laras bahasa kerana pelaksanaan konsep ini sebenarnya bertujuan untuk memastikan guru menyampaikan pelajaran mereka mengikut pengkhususan masing-masing dengan gaya dan laras yang betul.

1.8 Kesimpulan

Melalui pernyataan-pernyataan masalah dan objektif kajian yang dikemukakan dalam bab ini, pengkaji telah membuat kajian analisis kesilapan mengenai aspek-aspek tertentu dalam bahasa yang boleh mempengaruhi penguasaan bahasa pelajar dan seterusnya mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan.